

Keberkesanan Maklum Balas Sebagai Elemen Penilaian Formatif Dalam Penulisan E-mel

Irmawati Mascom

irmawati_mascom@schools.gov.sg

Sekolah Menengah Tanglin

Mazalan Ajan

mazalan_ajan@schools.gov.sg

Maktab Rendah Kebangsaan

Abstrak

Masalah utama yang sering dihadapi oleh pelajar kini adalah kurang memahami kesilapan yang mereka lakukan dalam penulisan e-mel. Pelajar-pelajar Menengah 1 yang kurang pendedahan pada penulisan e-mel memerlukan sokongan guru agar mereka lebih sedar akan cara menulis lebih baik. Kajian ini bertujuan untuk melihat keberkesanan maklum balas melalui platform ICT dalam menyokong pembelajaran penulisan e-mel dalam kalangan para pelajar. Penulisan Kolaboratif yang dimuatkan dalam Portal iMTL dijadikan sebagai wahana maklum balas guru, untuk menyokong pelajar dalam proses penulisan. Selain itu, guru juga menyediakan senarai semak untuk membantu pelajar menilai penulisan mereka secara sendiri. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penilaian formatif dapat membantu para pelajar menghuraikan dan mengembangkan idea dalam penulisan mereka, sekaligus menjadikan mereka lebih yakin untuk menulis dengan baik.

Kata Kunci: penilaian formatif, maklum balas, pembelajaran kolaboratif, penulisan



PENGENALAN

Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2010 antara lain menegaskan ketrampilan berbahasa pelajar di samping menekankan kepentingan kesedaran moral yang tinggi dan kemahiran abad ke-21. Pelajar dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran bagi membolehkan mereka berkomunikasi dengan berkesan, membina pengetahuan dan kemahiran teknologi maklumat, berfikir secara kritis dan kreatif serta mempunyai daya penghasilan yang tinggi.

Sejajar dengan Falsafah Kurikulum Singapura, setiap guru perlu percaya bahawa setiap pelajar mahu dan boleh belajar dan guru perlu memberikan tumpuan pada keperluan pembelajaran pelajar bila mereka bentuk pengalaman-pengalaman pembelajaran.

Oleh yang demikian, kaedah pengajaran yang dijalankan dalam bilik darjah perlulah bersifat inovatif dengan mengambil kira keperluan pembelajaran para pelajar dan penekanan terhadap penilaian formatif yang berterusan yang dapat membantu para pelajar mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan.

Penerapan kaedah pengajaran kemahiran menulis melalui wahana ICT sebagai satu pendekatan inovatif dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Bahasa Melayu. Penilaian formatif telah dijadikan fokus kajian sebagai usaha intervensi untuk membina kemahiran para pelajar dalam penulisan e-mel. Maklum balas yang berkesan penting dalam membina suasana pembelajaran yang kondusif dan menggalakkan.

PERNYATAAN MASALAH

Masalah yang sering dihadapi para pelajar dalam penulisan e-mel adalah menulis perenggan isi yang baik. Berdasarkan pemerhatian guru dan markah ujian pertengahan tahun yang menunjukkan para pelajar kurang memahami kehendak soalan dan mempunyai kelemahan dalam menghuraikan idea-idea dalam isi perenggan mereka.

Pemerhatian awal guru juga menunjukkan para pelajar sering dinilai secara sumatif dalam tugas penulisan, iaitu hanya markah diberi setelah guru menyemak hasil penulisan e-mel pelajar. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar Menengah 1 yang kurang terdedah pada penulisan e-mel sebelum memasuki Menengah 1.



Dalam tinjauan awal dengan para pelajar, guru mendapati bahawa mereka kurang pasti akan kehendak soalan dan jumlah isi yang perlu ditulis. Mereka juga kurang pasti akan kelemahan mereka dalam penulisan isi kerana markah yang diberi tidak menunjukkan kelemahan secara khusus yang boleh mereka renungkan untuk memperbaiki penulisan mereka. Oleh itu, pelajar-pelajar ini kurang pasti hasil yang diinginkan. Tambahan pula, jangka masa penilaian juga menunjukkan kelemahan pemantauan guru untuk menilai tahap penulisan mereka kerana hasil tugas penulisan hanya akan dikembalikan selepas seminggu atau dua minggu tugas tersebut dihantar. Natiujahnya, pelajar lupa akan isi-isi e-mel yang ditulis dan kurang bermotivasi untuk meninjau semula cara penulisan mereka.

Sehubungan itu, guru perlu memikirkan kaedah atau strategi yang lebih baik untuk membantu pelajar dalam proses penulisan e-mel. Pelajar perlu diberi maklum balas deskriptif yang khusus dan boleh menerangkan kelemahan mereka serta bagaimana mereka boleh memperbaiki isi yang ditulis. Maklum balas juga perlu diberikan dengan cepat atau dalam jangka masa yang singkat agar dapat dijadikan panduan oleh pelajar dalam proses penulisan yang berkesan. Amalan Pengajaran Singapura (STP) juga menegaskan agar guru-guru membantu setiap pelajar belajar dengan lebih baik dan meningkatkan rasa seronok ketika belajar.

TUJUAN KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk:

1. menilai keberkesanan maklum balas secara deskriptif dalam membantu pelajar memperbaiki penulisan e-mel; dan
2. menilai keberkesanan wadah ICT, iaitu Penulisan Kolaboratif Portal menerusi iMTL dalam memberi maklum balas.

KAJIAN LEPAS

Penilaian formatif merujuk pada proses penilaian semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan untuk mengumpul informasi dan bukti sejauh mana para pelajar tahu atau boleh melakukan sesuatu tugas. Penilaian formatif berlaku apabila pelajar dan guru fokus pada matlamat pembelajaran, sedar akan tugas yang sedang dilakukan dan matlamat yang ingin dicapai serta bertindak ke arah mencapai matlamat tersebut (Brookhart, 2010).



Proses penilaian formatif berlaku sewaktu pelajaran berlangsung dan bukan setelah selesai waktu pelajaran seperti penilaian sumatif dalam bentuk ujian atau peperiksaan. Sejalan dengan Falsafah Kurikulum Singapura, guru percaya bahawa pembelajaran berkembang apabila pelajar membina pengetahuan secara aktif dan apabila penilaian digunakan untuk menangani jurang pembelajaran kanak-kanak (STP, 2018). Oleh itu, pendekatan yang diambil guru untuk menilai pemahaman pelajar dalam sesuatu proses pembelajaran atau tugas perlu bersifat formatif yang boleh memantau jurang pemahaman pelajar dalam sesuatu perkara. Kemungkinan guru juga perlu mengambil pendekatan berbeza bagi setiap pelajar. Namun, pelajar hanya boleh lebih mengetahui perkara yang perlu dipelajari dengan tepat apabila mereka tahu di mana kesilapan mereka dan bagaimana mereka boleh mengatasi cabaran tersebut (Brookhart, 2008).

Menurut Brookhart (2008) lagi, maklum balas merupakan satu komponen yang penting dalam penilaian formatif. Berdasarkan STP, penilaian akan lebih berkesan jika pelajar mendapat maklum balas kualitatif yang khusus, relevan dan tepat pada masanya. Perkara ini juga ditegaskan dalam kajian Brookhart (2008) yang menekankan empat perkara penting atau prinsip semasa memberi maklum balas, iaitu maklum balas perlu diberi tepat pada masanya, maklum balas mesti mencukupi dan mencakupi hasil pembelajaran yang diinginkan sahaja, cara maklum balas itu diberi sama ada dalam bentuk penulisan atau lisan dan mengambil kira pelajar itu sendiri. Lantas, kesemua prinsip itu perlu dipenuhi sama ada maklum balas itu diberikan secara individu atau seluruh kelas.

Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan keberkesanan maklum balas dalam bentuk pemberian komen sahaja berbanding markah. Hasil kajian Page (1958) menunjukkan bahawa pencapaian pelajar lebih tinggi bagi kumpulan pelajar yang mendapat maklum balas berbentuk komen sahaja daripada maklum balas berbentuk markah sahaja (Brookhart, 2008). Beliau menjelaskan bahawa komen guru yang khusus merupakan kata-kata yang bersifat menggalakkan dan komen yang berbentuk menilai pelajar tidak akan membantu pelajar. Oleh itu, maklum balas berbentuk komen yang menggalakkan boleh membantu pelajar mencapai hasil pembelajaran yang diinginkan. Guru juga boleh menetapkan kriteria dan matlamat pada setiap tugas dan memberi komen yang fokus pada kriteria itu sahaja. Matlamat yang jelas akan membuat pelajar lebih sedar dan jelas akan perkara-perkara yang akan dinilai oleh guru (Brookhart 2010). Ini akan dapat membantu pelajar membuat renungan pada proses pembelajaran mereka dan hasil yang ingin dicapai, sekaligus membenarkan mereka menilai secara sendiri untuk terus memperbaiki tugas dan pembelajaran (Brookhart, 2008)



Sehubungan dengan itu, pembelajaran melalui ICT juga dapat dilihat sebagai pendekatan yang boleh memberikan motivasi dan keinginan untuk belajar dalam diri pelajar. Kajian Havnes (2002) dan Boud dan Falchnikov (2007), menunjukkan bahawa penilaian merupakan faktor pelajar mendekati pembelajaran mereka. Oleh itu, penggunaan ICT sebagai wadah untuk menilai secara formatif boleh mengubah pandangan pelajar mengenai pembelajaran mereka (Fosslund, 2016). Format digital lebih mudah digunakan oleh guru dan pelajar untuk merapatkan jurang pembelajaran dan sekaligus membuat pembelajaran itu lebih aktif. Penggunaan wadah digital untuk memberikan maklum balas semasa atau selepas masa pengajaran juga dapat meningkatkan kesedaran pelajar terhadap sesuatu topik yang dipelajari dan mereka lebih bersedia untuk menghadapi pelajaran seterusnya. (Fosslund, 2016)

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian tindakan yang berbentuk eksperimen. Data yang dikumpulkan ialah data kuantitatif dan kualitatif. Berdasarkan dapatan awal, guru menjalankan usaha intervensi untuk melihat keberkesannya.

Guru telah menghasilkan satu pakej pengajaran dan penilaian selaras dengan Amalan Pengajaran Singapura (STP). Elemen STP yang diterapkan dalam menjalankan kajian ini memberikan penekanan pada penilaian dan maklum balas. Berikut merupakan penerangan proses pengajaran bagi Pelaksanaan Pelajaran dan Penilaian dan Maklum Balas bagi pengajaran penulisan e-mel.



Jadual 1: Penerapan Aspek Amalan Pengajaran Singapura

Proses Pengajaran	Aspek Pengajaran	Aktiviti Mengajar
Pelaksanaan Pelajaran	AP13: Mengaktifkan Pengetahuan Sedia Ada	AM1: Fikir-Berpasangan-Berkongsi AM ini menggalakkan pelajar berfikir secara mendalam, berkongsi perspektif dan menjelaskan idea mereka. Selain itu, ia menggalakkan pelajar berfikir tentang soalan yang berkaitan dengan topik pembelajaran. Guru mengajak pelajar menimbang keperluan soalan sebelum memberikan idea, pendapat dan perspektif mereka secara berpasangan.
	AP17: Memberikan Penerangan Yang Jelas	AM2: Melakukan Tunjuk Cara Guru memberikan gambaran bagaimana pelajar boleh menggunakan langkah-langkah yang diajar.
	AP20: Menggunakan soalan untuk memperdalam pembelajaran	AM2: Mengepam Mengepam menggalakkan pelajar membina idea berdasarkan pengetahuan sedia ada dan respons rakan. Mengepam menggalakkan pelajar menggunakan soalan-soalan untuk mendapatkan maklumat lanjut. Guru mendapatkan pelajar menyatakan semula jawapan dan disusuli dengan soalan untuk proses seterusnya. Guru boleh menggalakkan pelajar memberikan soalan.
Penilaian dan Maklum Balas	AP22: Memantau pemahaman dan memberikan maklum balas	AM 1: Maklum Balas dalam Bentuk Komen Sahaja Maklum balas dalam bentuk komen membina budaya positif di bilik darjah bagi menggalakkan pembelajaran secara sendiri. Selain itu, ia juga menggalakkan pelajar berfikir untuk menambah nilai pembelajaran mereka. Guru memberikan maklum balas semasa proses menulis. Guru memberikan maklum balas berbentuk deskriptif dan soalan-soalan diberikan untuk membantu pelajar mencapai kriteria kejayaan.
Penerangan dan Justifikasi	Aspek pengajaran ini digunakan untuk menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif pelajar dalam memberikan respons bagi penulisan e-mel. Fokus kajian berpusat pada penilaian formatif. Oleh itu, aspek pengajaran mengambil kira aktiviti mengajar dalam PdP yang dapat membantu guru memberikan penilaian berbentuk maklum balas secara deskriptif.	

Subjek Kajian

Pelajar-pelajar Menengah 1 dipilih sebagai subjek kajian. Mereka merupakan pelajar Normal Akademik yang mengambil kursus Bahasa Melayu Ekspres. Seramai 8 orang pelajar yang terlibat dalam kajian tindakan ini.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan data adalah seperti yang berikut:

1. Borang Soal selidik
2. Perbincangan kumpulan fokus
3. Kelakonan pelajar bagi tugas e-mel

Prosedur Kajian

Setelah praujian dijalankan, satu pakej bagi usaha intervensi ini telah dihasilkan. Dalam pengajaran ini, kemahiran menulis menjadi fokus dan pengajaran bagi proses menulis dilaksanakan sepenuhnya walaupun fokusnya ialah penilaian formatif. Pengajaran dijalankan seperti berikut:

Jadual 2: Proses Pengajaran

Pelajaran 1 dan 2	Aktiviti pramenulis	<ol style="list-style-type: none">1. Mengenal pasti kehendak soalan (menghasilkan senarai semak yang merupakan kriteria kejayaan bagi tugas yang diberi)2. Menjana idea di portal iMTL (Kanvas Kolaboratif – Pelajar dapat berkongsi idea-idea mereka untuk menjawab soalan utama dan sampingan)
Pelajaran 3	Aktiviti menulis	<ol style="list-style-type: none">1. Menulis e-mel respons di portal iMTL (Penulisan Kolaboratif – Guru dan pelajar secara individu sahaja)2. Maklum balas berbentuk komen diberi oleh guru semasa pelajar menaip e-mel mereka di portal iMTL (guru menggunakan alat komen untuk memberikan maklum balas yang berbentuk deskriptif)3. soalan-soalan yang telah dirancang dahulu dimuatkan dalam rancangan pengajaran.



Pelajaran 4	Aktiviti pascamenulis	<ol style="list-style-type: none"> 1. Pelajar membuat penilaian sendiri berdasarkan senarai semak yang diberi. 2. Guru memberi maklum balas berbentuk komen berdasarkan rubrik bahagian isi.
-------------	-----------------------	--

Guru telah melaksanakan pelajaran selama dua minggu, yang mengambil masa selama 8 waktu pelajaran. Data pascaujian dikumpulkan setelah semua pelajaran selesai yang berbentuk ujian kelas, borang soal selidik dan perbincangan kumpulan bersama subjek kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian daripada instrumen kajian adalah seperti yang berikut.

Jadual 3: Dapatan Praujian dan Pascaujian

	Praujian (<i>Mean</i>)	Pascaujian (<i>Mean</i>)	Saiz Berkesan (<i>Effect Size</i>)
Markah Isi	4.25	5.87	1.62
Markah Penuh	11.25	13.87	2.62

Markah purata menunjukkan kenaikan markah bagi bahagian isi. Markah praujian, 4.25 bagi isi dan kenaikan markah sebanyak 1.62 kepada 5.87 dalam markah pascaujian. Walaupun markah ini diambil daripada penilaian sumatif, kenaikan markah isi ini menunjukkan bahawa para pelajar lebih sedar akan cara penulisan mereka berdasarkan maklum balas guru daripada pengajaran berupa usaha intervensi tersebut. Secara sedar, pelajar lebih tahu bahawa usaha mereka sebelum ini kurang memadai untuk mendapatkan markah yang lebih baik. Tambahan pula, disebabkan mereka lebih tahu akan usaha yang diperlukan untuk menulis isi-isi yang lebih baik, usaha semasa penilaian sumatif juga lebih baik daripada sebelumnya. Oleh itu, markah keseluruhan mereka yang mereka dapati juga semakin baik. Hal ini menunjukkan kesan yang positif dalam pembelajaran pelajar.

Data kuantitatif dapatan soal selidik adalah seperti berikut.

Jadual 4: Dapatan Soal Selidik

No	Soalan	Sangat Setuju dan Setuju	Tidak Setuju
1	Saya suka menerima maklum balas berbentuk komen sahaja.	75%	25%
2	Saya lebih memahami pembelajaran apabila maklum balas diberi dengan cepat (semasa melakukan tugas)	100%	-
3	Saya mendapati maklum balas berbentuk komen sahaja boleh membantu saya memperbaiki tugas penulisan e-mel saya.	87.5%	12.5%
4	Saya suka membuat tugas menggunakan wadah ICT (Penulisan Kolaboratif).	87.5%	12.5%
5	Saya suka menerima maklum balas guru (komen) melalui wadah ICT semasa menaip tugas.	87.5%	12.5%
6	Saya mendapati maklum balas guru melalui wadah ICT boleh membantu saya memperbaiki tugas saya.	87.5%	12.5%

Dapatan daripada soal selidik menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar dalam kumpulan ini suka menerima maklum balas berbentuk komen sahaja (87.5%) dan mereka mendapati bahawa maklum balas ini membantu mereka dalam proses pembelajaran (100%) dan dalam proses penulisan lalu membolehkan mereka memperbaiki (87.5%) tugas mereka selanjutnya. Faktor masa juga memainkan peranan penting kerana pelajar suka menerima maklum balas dengan cepat. Oleh itu, penilaian formatif iaitu maklum balas deskriptif berkesan dalam meningkatkan pembelajaran para pelajar dalam kemahiran menulis. Wadah ICT juga membantu dalam proses ini. Faktor masa dan kesenangan menerima maklum balas itu membuatkan wadah digital lebih disenangi pelajar. Malah, elemen seronok yang diterapkan dalam pelajaran dapat meningkatkan motivasi pelajar untuk terus cemerlang dalam pembelajaran mereka. Data kualitatif melalui perbincangan kumpulan berfokus dengan pelajar telah dikod dan hasilnya seperti yang berikut.



Jadual 5: Dapatan Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)

Perkara	Respons
Keseronokan melakukan tugasan melalui ICT	<ul style="list-style-type: none">• Melakukan tugasan di portal iMTL menyeronokkan• Seronok menaip di portal iMTL, tidak perlu menulis• Seronok dapat membaca komen guru di portal• Boleh belajar <i>on-line</i> dan tidak bosan.
Maklum balas melalui ICT	<ul style="list-style-type: none">• Guru memberikan komen dengan cepat• Pelajar boleh mengenal pasti kesilapan semasa menaip e-mel• Baik sebab dapat membantu kita memahami pelajaran dengan lebih baik
Maklum balas deskriptif	<ul style="list-style-type: none">• Boleh menulis e-mel lebih baik setelah membaca komen guru.• Guru memberi komen yang fokus pada bahagian isi yang pelajar tidak huraikan.• Jika pelajar tidak memahami komen guru, mereka boleh mendapatkan penjelasan
Perbandingan maklum balas berbentuk deskriptif dengan markah	<ul style="list-style-type: none">• Komen guru tidak memarkahkan pencapaian pelajar• Komen guru baik dan guru juga boleh memberikan tahap pencapaian pelajar• Boleh juga berikan markah agar pelajar tahu kelemahan mereka

Penilaian formatif berbentuk maklum balas deskriptif rata-rata disukai pelajar kerana mereka mendapat maklum balas yang tepat pada bahagian isi penulisan yang perlu diperbaiki. Maklum balas ini juga lebih khusus dan cepat diterima semasa proses pembelajaran berlaku. Pelajar boleh memperbaiki penulisan pada waktu itu juga. Faktor masa memainkan peranan yang penting dalam memberikan maklum balas dalam aspek penilaian formatif sejajar dengan pendapat Brookhart (2008, 2010) bahawa masa merupakan faktor utama bagi memastikan kesan maklum balas lebih efektif. Oleh itu, wadah ICT membantu dalam aspek masa. Guru dapat membaca semasa pelajar sedang menaip e-mel mereka, guru juga dapat terus menilai dan memberikan maklum balas secara langsung. Pemantauan guru juga menunjukkan bahawa pelajar lebih aktif dalam melakukan tugasan mereka dan wadah ICT telah membantu pelajar dalam membina sikap pembelajaran yang lebih positif dan ingin memperbaiki tugasan setelah maklum balas diberikan.

Namun begitu, terdapat pelajar yang masih ingin tahu pencapaian mereka melalui markah tugas secara sumatif. Ada juga pelajar yang kurang memahami maklum balas deskriptif yang guru berikan dan memerlukan penerangan lanjut. Pelajar-pelajar ini merupakan pelajar yang berkebolehan praaras. Oleh itu, guru perlu juga secara sedar memahami keperluan pelajar kumpulan ini agar penerangan yang diberikan jelas. Dalam aspek ini, wadah ICT kurang membantu kerana kata-kata guru dalam bentuk komen yang ditaip kurang jelas pada kumpulan pelajar ini. Selain komen, baik jika guru dapat berkomunikasi dengan pelajar secara bersemuka bagi menjelaskan maklum balas deskriptif yang diberi.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa matlamat pelajar menjadi ukur tara keberkesanan maklum balas sebagai aspek penilaian. Pelajar yang tidak gemar bentuk penilaian formatif ini kurang terdedah pada cara yang sedemikian lantas memerlukan masa untuk meraih manfaatnya. Oleh itu, guru perlu juga mengambil kira pendekatan lain untuk menggalakkan pelajar berusaha dan ingin mencapai hasil pembelajaran yang lebih baik. Aspek lain juga perlu diambil kira, contohnya, tahap penguasaan bahasa pelajar. Pelajar dalam kumpulan praras kebolehan memerlukan masa yang panjang untuk membina ayat agar dapat menyampaikan isi yang baik. Mereka juga memerlukan lebih banyak sokongan dalam aspek kosa kata. Sehubungan itu, guru harus menangani kelemahan ini dengan memberikan komen yang lebih mudah untuk difahami oleh mereka.

Kriteria kejayaan perlu jelas agar pelajar tahu aspek yang akan dinilai dan maklum balas yang guru berikan. Dapatan ini juga selaras dengan penekanan pada matlamat tugas atau pembelajaran yang dijelaskan oleh Brookhart (2008, 2010) di mana kriteria kejayaan perlu menjadikan fokus utama apabila guru memberikan tugas agar pelajar lebih jelas matlamat yang perlu dicapai.

Wadah ICT juga memainkan peranan penting dalam memberikan penilaian yang cepat dan tepat. Oleh itu, usaha intervensi ini telah menunjukkan kesan yang positif dalam pembelajaran pelajar. Namun, guru perlu juga mengambil kira aspek teknikal dan masa pelajaran yang lama yang diperlukan untuk menjalankan pengajaran seperti ini. Hal ini adalah disebabkan pelajar memerlukan masa yang lama untuk menaip daripada menulis, kemudian membaca komen guru dan memperbaiki penulisan mereka.



RUJUKAN

- Brookhart, Susan M. (2008). *How to give effective feedback to your students*. Virginia: ASCD.
- Brookhart, Susan M. (2010). *Formative assessment strategies for every classroom*. Virginia: ASCD.
- Dweck, C. S., & Reppucci, N. D. (1973). Learned helplessness and reinforcement responsibility in children. *Journal of Personality and Social Psychology*, 25(1), 109-116.
- Fossland, Trine. (2016). *Stories of technology-enhancement in higher education - a critical approach*. Centre for Teaching, Learning and Technology /Result melalui laman: <https://journals.hioa.no/index.php/seminar/article/view/2340/2166>.
- Pusat Bahasa Melayu Singapura (2018). *Amalan pengajaran Singapura*. Singapura: Oxford Graphic Pte Ltd.
- Tan Chee Soon. (2017). Motivation to learn: The role of attributions in influencing learner behaviour. *Singapore teaching practice*. Singapore: Academy of Singapore Teachers, Ministry of Education.

